

Headline	Alumni UiTM sasar RM1b		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	22	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	400 cm ²
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	AdValue	RM 14,716
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,148



Alumni UiTM sasar RM1b

■ Persatuan bekas siswa gigih kumpul dana pendidikan untuk Bumiputera

Oleh Mohd Husni Mohd Noor

Nampak mustahil, namun Persatuan Alumni Universiti Teknologi MARA (UiTM) yakin dapat mencapai sasaran kutipan dana pendidikan sebanyak RM1 bilion menerusi Tabung Pendidikan Persatuan Alumni UiTM menjelang akhir tahun ini.

Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh yang juga Penaung Tabung Pendidikan itu berkata, sasaran itu dapat dicapai sekiranya setiap seorang daripada 530,000 alumni UiTM menyumbang RM2,000 termasuk sumbangan lain daripada sektor korporat.

Beliau berkata, pihaknya percaya persatuan itu dapat mencapai sasaran kutipan itu dibantu usaha berterusan semua peringkat alumni yang menamatkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam itu sejak 50 tahun lalu.

“Kutipan itu kelak akan digunakan bagi membantu

pelajar Bumiputera termasuk bantuan pendidikan dan dana penyelidikan yang menuntut di universiti tempatan dan swasta di seluruh negara.

“Saya ingin menjelaskan bahawa dana pendidikan itu bukan hanya untuk pelajar UiTM sahaja, sebaliknya diperluas kepada semua pelajar Bumiputera lain,” katanya pada sidang media selepas menyaksikan penyerahan sumbangan dana pendidikan Tabung Pendidikan Persatuan Alumni UiTM, di sini, semalam.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah UiTM Datuk Arshad Ayub dan Pengerusi Persatuan Alumni UiTM Datuk Zaini Hasan.

Idris berkata, dana pendidikan itu adalah perancangan masa depan bagi memastikan pelajar Bumiputera mendapat manfaat terutama dalam bidang pen-

didikan dan penyelidikan.

Beliau percaya institusi hebat seperti UiTM perlu mempunyai dana' pembiayaan pendidikan sendiri kerana jumlah kutipan RM1 bilion bukan angka besar.

Idris berkata, institusi pendidikan terkemuka dunia seperti Harvard University mempunyai dana pendidikan berjumlah RM100 bilion.

Terdahulu, pada majlis sama, Yayasan Pendidikan Cheras menyerahkan sumbangan dana RM50,000 manakala syarikat Swakaya Sdn Bhd menyerahkan sumbangan RM5,000 diikuti Datuk Naim Mohamed yang menyerahkan sumbangan peribadi berjumlah RM2,000.

Dalam satu majlis berasingan, Idris menyampaikan Anugerah Pingat Tunku 2012 dan 2013 Yayasan Tunku Abdul Rahman kepada enam graduan institusi pengajian tinggi awam (IPTA).


Penerima Pingat Emas bagi 2012 menjadi milik Ahmad Zaim Azizool Arif iaitu graduan ekonomi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia manakala pemenang pingat emas bagi tahun 2013 pula menjadi milik graduan kejuruteraan mekanikal dari Universiti Tun Hussein, Shahzada Khan Nawab Khan.

Sementara itu, Idris yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman berkata, sejak penubuhan sekitar 1966 sehingga 2006 lalu, Yayasan Tunku Abdul Rahman menawarkan pinjaman kepada 1,545 pelajar membabitkan jumlah pinjaman sebanyak RM20 juta.

Namun, katanya, bermula 2006, skim pinjaman itu diganti dengan nama skim Biasiswa Tunku Abdul Rahman (BTAR) di mana setiap pelajar menerima RM1,000 sebulan selain elaun buku dan tesis.

“ Saya ingin menjelaskan bahawa dana pendidikan itu bukan hanya untuk pelajar UiTM, sebaliknya diperluas kepada semua pelajar Bumiputera lain”
Idris Jusoh

Headline	Alumni UiTM sasar RM1b		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	22	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	400 cm ²
Journalist	Mohd Husni Mohd Noor	AdValue	RM 14,716
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,148



IDRIS (dua dari kiri) menerima replika cek daripada Pengerusi Yayasan Pendidikan Cheras Datuk Wira Syed Ali Alhabshee Syed Abbas Alhabshee (kanan) di majlis penyerahan sumbangan dana pendidikan Tabung Pendidikan Persatuan Alumni UiTM di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan, Zaini (kiri).